



## **BANTAL BUSUK** *Comel atau* *Undang Penyakit?*

Bantal busuk merujuk kepada bantal yang digunakan daripada seseorang itu kecil dikekalkan bentuk asalnya dan lazimnya sudah berbau tetapi tetap menjadi kesayangan. Ada di antara bantal busuk ini berusia hampir puluhan tahun. Ada juga yang obses dengan bantal busuk hingga membawanya ke alam dewasa. Aroma semula jadi pada bantal busuk, boleh bikin pemiliknya tak keruan sekiranya bantal itu hilang, tertinggal ataupun ada yang mencucinya.

**I**roninya bibit perkenalan seseorang itu dengan bantal busuk bermula sejak kecil lagi. Ada yang menganggap fenomena bantal busuk ini comel dan sesuai dengan karakter anak kecil.

Kebergantungan anak ini terhadap objek seperti bantal, anak patung dan selimut mungkin kelihatan lebih serius apabila mereka mula mengamuk, demam gara-gara objek kesayangan mereka tiada di depan mata.

### **Tidak Boleh Berpisah**

Selain bantal, ada juga anak kecil menjadikan selimut ataupun anak patung sebagai objek kesayangan. Keakraban hubungan anak kecil ini bagai tidak boleh dipisahkan. Hal ini menjadi lebih serius sekiranya anak-anak ini tadi perlu ke tempat awam seperti ke nursery, ke majlis kenduri, pusat membeli-belah, hospital, bercuti mahupun pulang ke kampung.

Dalam situasi tertentu, gara-gara tertinggal, ada ibu bapa yang terpaksa berpatah balik demi mendapatkan bantal busuk itu.

Menurut kajian *American Academy of Pediatric*, mainan kegemaran seperti anak patung, bantal dan juga selimut busuk adalah objek semulajadi yang menjadi sebahagian daripada proses pembesaran kanak-kanak. Jika anak anda membawa mana-mana objek kesayangannya seperti permainan, anak patung dan juga bantal anggap sahaja itu adalah normal.

### **BILA HUBUNGAN INI MENJADI TIDAK NORMAL?**

Selujurnya terdapat beberapa punca utama mengapa anak anda lebih cenderung obses dengan objek sebegini. Situasi berikut mungkin boleh menjadi punca anak anda obses keterlaluan dan akan membawa ke mana sahaja bersamanya.

## 1 Trauma, Kehilangan Orang Tersayang

Mungkin ia merupakan hadiah daripada yang tersayang. Anak kecil ini ada kalanya terkesan emosinya dan belum mengerti kaedah yang terbaik untuk menyuarakan perasaannya. Perpisahan seperti meninggal dunia, berpindah mungkin memberi kesan kepada hidupnya. Kehilangan orang tersayang menjadikan anak ini melepaskan rasa rindu itu melalui objek akhir peninggalan atau pemberian orang yang disayang. Jika perbuatan ini melegakannya, beri dia waktu untuk emosinya kembali tenang.

## 2 Sokongan Emosi

Rakan rapat; itu mungkin terjemahan perasaan yang tidak dapat dizahirkan oleh si kecil berkenaan hubungannya dengan bantal busuk. Seperti kawan rapat, anak kecil lazimnya akan menjaga dan peka dengan keberadaan bantal busuknya. Sering kali bantal busuk menjadi medium menenangkannya terutamanya ketika dia mengantuk, gelisah dan sedih. Dalam situasi tertentu, anak anda akan memberikan nama khusus kepada bantal busuk kesayangannya.

## 3 Peralihan Proses Kebergantungan

Anak kecil sekitar usia lapan hingga 12 bulan lazimnya melalui beberapa fasa yang melibatkan perkembangan emosi mereka. Jika sebelum ini mereka lebih selesa tidur lena dalam dakapan ibu, mungkin pertambahan usia menyebabkan mereka lebih selesa memeluk anak patung kecil mahupun bantal kecil yang mereka selesa. Proses kebergantungan akan beralih ke proses berdikari. Memori mereka yang terhad membuat mereka lebih selesa dan berasa dekat dengan anak patung ataupun bantal kesayangan.

## 4 Nilai Sentimental

Anak-anak kecil yang sering bermain dengan bantal, selimut atau anak patung kegemaran mula memupuk perasaan sentimental. Pada mereka memori yang melibatkan objek kesayangan mereka besar maknanya. Orang dewasa pun mempunyai hobi dan akan menjaga sebaiknya barang-barang yang punya

nilai sentimental. Apatah lagi anak kecil, yang mula memupuk perasaan itu dengan objek yang terdekat di sekelilingnya.

### PERLUKAH ANAK-ANAK DIPISAHKAN DENGAN OBJEK KESAYANGANNYA?

Jika sisi kebergantungan anak dilihat normal, tidak perlu rasanya anak anda berpisah dengan objek kesayangannya. Dalam situasi tertentu seiring dengan perkembangan pemikiran, perlahan-lahan minat anak ini akan beralih kepada perkara lain.

Sebaliknya jika obsesi anak terhadap objek kesayangannya dilihat serius, sehingga mengundang penyakit akibat hama dan bakteria yang terkumpul pada bantal, anak lebih agresif apabila tidak ada objek kesayangannya di depan mata. Ataupun dia berasa tertekan dan bimbang jika objek kesayangannya dirosakkan, hilang ataupun dijadikan mangsa khianat. Jika situasi ini berlaku, perlahan-lahan anda boleh mendidiknya untuk berpisah dengan objek kesayangannya. Bagaimanakah caranya?

- Jangan gunakan kekerasan, mengherdik, memukul, mengugut atau membuang objek kesayangannya.
- Tetapkan jadual membersihkannya. Terangkan kepada anak penyakit yang akan ada sekiranya objek kesayangannya tidak dibersihkan. Libatkan dirinya dalam proses pembersihan itu dan puji anak kerana peka dengan kebersihan.

- Berdiplomasi dengan cara menetapkan had permainan ini hanya boleh di main ketika di rumah dan tidak boleh dibawa keluar dari rumah. Maklumkan pada anak jika dibawa keluar dibimbangi ia akan tercipr, hilang dan juga kotor.
- Pelukan yang menenangkan. Pelukan itu satu medium menzahirkan rasa kasih sayang. Tanpa adanya pelukan, mungkin anak-anak ini merasakan dia lebih selesa dan tenang mendakap objek kesayangannya. Bagi mengatasinya, keraplah memeluk anda sebagai cara menyuarakan rasa sayang.
- Pastikan anak anda sibuk. Caranya dengan banyak membeli mainan yang memerlukan anak anda membina blok, memberi tumpuan dan membuatkan dirinya sibuk dengan aktiviti. Perlahan-lahan dia akan mengalihkan minatnya kepada sesuatu yang baru. Sebagai contoh belikan anak set lukisan lengkap dengan set mewarna mahupun melengkapkan jigsaw puzzle.
- Pujian yang berterusan. Sekiranya anak-anak mula mengalihkan tumpuannya, puji dirinya selalu. Kata padanya tanpa adanya objek kesayangan banyak lagi perkara ataupun aktiviti baru yang lebih menarik boleh dilakukan. Biarkan proses perpisahan ini berlangsung 'semulajadi', jangan memperkecilkannya dan berikan dia semangat. **MW**

